

Headline	Profesional dalam pasukan polis		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	16 Oct 2012	Language	Malay
Circulation	231,163	Readership	1,368,000
Section	Berita	Color	Full Color
Page No	N7	ArticleSize	499 cm ²
AdValue	RM 11,131	PR Value	RM 33,392



Profesional dalam pasukan polis

» Bantu cegah jenayah, galak rakan sebaya turut serta

Oleh Maria Uffa Zulkafeli
bhnews@bharian.com.my

Alor Setar

Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kedah mengajak golongan profesional muda terutama guru untuk menyertai pasukan itu sebagai Sukarelawan Simpanan Polis (PVR).

Penyertaan dalam PVR bukan saja memberi peluang kepada golongan terbabit untuk turut serta secara aktif dalam aktiviti pencegahan jenayah, malah mampu memberi imej kepada individu berkenaan sebagai ikon untuk dicontohi pihak lain terutama rakan sebaya.

Timbalan Ketua Polis Kedah, Datuk Abdul Ghafar Rajab, berkata penyertaan golongan profesional mampu memberikan gambaran positif kepada rakan sebaya mengenai usaha pencegahan jenayah terutama dalam melonjak imej serta peranan PVR dalam menyokong fungsi PDRM.

"Polis Kedah kini dalam usaha merekrut 750 anggota PVR untuk membantu PDRM dalam usaha mengurangkan kadar jenayah terutama di semua lokasi panas yang dikenal pasti seluruh negeri.

"Buat masa ini, kami sedang melatih 325 anggota untuk PVR, manakala selebihnya akan dire-



Abdul Ghafar (dua dari kiri) beramah mesra dengan pelajar UUM pada pelancaran Program Jelajah Jalinan Mesra PVR di pekan raya Mydin, Taman Saga. [FOTO AZHAR RAMLI/BH]

krut dalam masa terdekat iaitu bermula 19 Oktober ini dengan proses pengambilan dijangka selesai selewat-lewatnya hujung tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Program Jelajah Jalinan Mesra PVR di pekan raya pasar raya Mydin di Taman Saga, dekat sini.

Jalani latihan asas

Mengulas pengambilan anggota PVR itu, Ghafar berkata, semua

calon akan menjalani latihan asas berkaitan kepolisan dan undang-undang sebelum dibenarkan menjalankan tugas polis, termasuk melakukan rondaan.

"Kita membuka penyertaan kepada semua rakyat Kedah berusia antara 18 tahun dan 45 tahun yang berminat untuk menganggotai pasukan ini bagi membantu polis negeri membanteras jenayah.

"Sehingga kini, sambutan diterima amat menggalakkan dengan keanggotaan daripada penuntut

Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menyertai pasukan program Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS)," katanya.

Tingkat kawalan keselamatan
Beliau berkata, PVR membantu PDRM mempertingkatkan kawalan keselamatan untuk mengurangkan kadar jenayah secara keseluruhan, sejajar sasaran kerajaan untuk mencapai 10,000 PVR di seluruh negara.

Sementara itu, seorang kerani

yang juga anggota PVR, Siti Salwa Ismail, 22, dari Kuala Muda berkata, dia berminat menyertai pasukan itu kerana pernah menamakan cita-cita menjadi anggota polis sejak kecil.

"Saya berasa terpanggil untuk membantu pasukan polis negeri membanteras jenayah bagi mengekalkan keamanan di negara ini. Malah, saya gembira dapat menganggotai pasukan ini sejak sebelum lalu dan kini sedang menjalani latihan asas kepolisan," katanya.



“ Kita membuka penyertaan kepada semua rakyat Kedah berusia antara 18 tahun dan 45 tahun yang berminat untuk menganggotai pasukan ini bagi membantu polis negeri membanteras jenayah”

Abdul Ghafar Rajab
Timbalan Ketua Polis Kedah